

Ekplorasi sains di Jepun dedah ilmu baharu pertanian

Kuala Lumpur: Jauh perjalanan luas pandangan, itu yang dapat disimpulkan oleh pelajar tahun dua, Bachelor Sains Pengurusan Perladangan (BSPP), Fakulti Pertanian (FP), Universiti Putra Malaysia (UPM), Tamilarasan a/l E Nagarajan ke Jepun baru-baru ini.

Kunjungi atas tiket eksplorasi ilmu pertanian selama seminggu di Jepun itu di bawah program Sakura Science. Ia ditaja sepenuhnya oleh Japan Science and Technology Agency dan Kochi University.

Katanya, kunjungan itu memperkenalkannya terhadap inovasi baharu pertanian yang berpotensi diaplikasikan di negara ini.

“Kunjungan ke Shimanto Mi-hara Vegetable Garden iaitu sebuah rumah kaca pertanian bukan saja memukau pandangan tetapi



Tamil bersama peserta Sakura Science yang ditaja sepenuhnya oleh Japan Science and Technology Agency dan Kochi University.

mendedahkan saya dengan pelbagai ilmu baharu.

“Saya diperkenalkan dengan konsep Internet of Plant (IoP) bagi

membantu pengelolaan tanaman yang lebih efektif melalui penggunaan sensor dan teknologi terkait,” katanya.